

DARI SEBULAN KE SEBULAN

Akhbar Melayu tempatan di dalam rencana pengarangnya tatkala menyebut nikmat-nikmat kebebasan akhbar di dalam negara-negara merdeka memberi contoh tentang kebebasan akhbar di Indonesia dan di India yang terletak dahulunya di dalam tangan penjajahan. Akhbar itu berkata: "Dalam negeri-negeri tersebut kebebasan yang biasa dinikmati rakyat yang berdasarkan demokrasi memang diberikan kepada rakyat. Dalam kedua-dua negeri yang kita katakan tadi hak mengeluarkan fikiran sedia terbayang di dalam akhbar-akhbar yang diterbitkannya."

Penulis rencana ini rupanya tidak mengetahui apa yang berlaku sekarang di Indonesia. Beberapa banyak "kuli-kuli tinta" – (dakwat – P) yang telah jadi korban sehinga Mochtar Lubis yang berani menegakkan kebenaran dengan bukti-bukti membela rakyat, akhirnya ditahan berbulan-bulan lamanya hingga hari ini. Inikah contoh kebebasan berfikir dan mengeluarkan pendapat?

* * *

UMNO dikatakan akan melembagakan, mengawal dan memelihara kebebasan beragama, berfikir, berucap, menulis, berhimpun dan mengadakan persatuan-persatuan . . . inilah perkara yang dijanjikan akan "tertulis di dalam perlembagaan untuk menjadi dasar pemerintahan Malaya akan datang."

Mudah-mudahan ini dapat terlaksana dan dibuktikan, kata setengah-setengah teman kerana mereka masih ingat lagi akan peristiwa Qalam dibakar, majalah fesyen dan dunia "dicensor" sedikit masa yang lalu.

* * *

Tengku Abdul Rahman dalam keterangannya di Batu Gajah baharu-baharu ini menyatakan bahawa RIDA menanggung kerugian sebanyak lima juta ringgit kerana memberi bantuan-bantuan kepada perusahaan Melayu. Kerugian itu terbitnya kerana bantuan-bantuan yang diberi ialah kepada orang-orang yang tidak mahir di dalam kerja-kerja atau perniagaan.

Ini satu contoh betapa benarnya hadis junjungan kita yang mengatakan bahawa sesuatu pekerjaan yang dijalankan oleh orang yang bukan ahlinya maka jagalah kebinasaannya. Bantuan yang diberi oleh RIDA sepatutnya sebelum diberikan hendaklah diselidiki dahulu kebolehan orang-orang yang meminta bantuan itu, kalau belum ada kebolehan maka berilah latihan-latihan terlebih dahulu sebelum diberi bantuan itu.

Di sebalik itu hal ini patut pula menjadi perhatian Tengku kelak tatkala meletakkan orang-orangnya di dalam pekerjaan-pekerjaan yang hendak dijalankan (pertadbiran). Janganlah diutamakan kerana orang-orang parti tetapi utamakanlah kelayakan dan kebolehan seseorang terlebih dahulu daripada lainnya dengan tidak memandang dari parti mana ia berada.

* * *

Presiden Sukarno dalam ucapannya di Banjarmasin baharu-baharu ini dikatakan berkata bahawa di pusat telah membuat "kesalahan" tetapi perkara "kesalahan" itu perkara biasa yang boleh dilakukan oleh tiap-tiap orang kita.

Sesuatu kesalahan, kalau sudah diketahui salah, tentulah diperbaiki dan orang-orang yang mahir serta

pakar dalam perkara itu, dengan tidak memandang bulu, patutlah diminta memerintah negara tetapi rupanya yang demikian tidak berlaku di Indonesia kerana kesalahan berganti dengan kesalahan selalu berlaku sedang Sukarno sendiri tidak mau membetulkan kesalahannya – bahkan mendatangkan paksaan-paksaan kepada rakyat untuk mengikut kehendak dengan adanya Dewan Nasional.

* * *

Tuan Ong Yoke Lin, tatkala menyokong Tengku Abdul Rahman di dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan Tanah Melayu untuk mengesahkan undang-undang perlembagaan bagi Malaya merdeka, di antara lain mengatakan bahawa pihaknya berharap bahawa di Malaya, tidak berapa lama lagi tidak akan ada orang-orang yang mengaku dirinya Melayu, Tamil, Cina, Nasrani dan sebagainya, tetapi mereka akan menyebut diri mereka: “Malayan”.

Seorang teman menunjukkan buku “Amaran” muka 28 yang di dalamnya pada tahun 1943, Sir Cheng Lock Tan, menyatakan dalam memorandumnya kepada kerajaan British begini:

“Dasar yang sayugia dikekalkan ialah bahawa orang-orang yang diperanakkan di Malaya atau menjadi rakyat Malaya boleh menduduki kerusi-kerusi dalam Majlis Undangan atau memegang jawatan-jawatan tinggi dalam kerajaan dan seterusnya ia menghendaki bangsa-bangsa itu dinamakan Malayan.

Tatkala mengulas kedudukan Dato’ Onn dalam usahanya dalam Jawatankuasa Mahabbah Kaum-kaum dahulu, India Daily Mail menyatakan bahawa tidak ada yang lebih baik atau yang lebih munasabah daripada perkataan “Malayan” yang ertinya seseorang kepunyaan Malayan.

Dalam perjuangan membangkang langkah-langkah MacMichael hendak me-Malayan-kan Melayu dahulu orang-orang Melayu mengadakan bantahan-bantahan besar sehingga langkah-langkah MacMichael gagal. Bantahan itu dahulu menghendaki bangsa Melayu ialah bangsa kebangsaan

dan ketuanan di negeri ini.

Melihat ini maka teman itu menyuruh kita mendatangkan pertanyaan: siapakah yang menang di dalam perjuangan ini? Adakah kemerdekaan (kemerdekaan) yang bakal didapat itu kemenangan bagi Melayu? Kita hanya mengatakan silakan tanya kepada pemimpin-pemimpin politik Melayu sekarang kerana harus kalau bidasan yang keras ditulis, Selat Tebrau akan ditutup untuk akhbar-akhbar penerbitan Singapura.

* * *

Mingguan Kritik menjadikan hari penerimaan perlembagaan pada 10 Julai 1957 itu sebagai hari “Perkuburan Hak-hak Melayu”. Pada 10 Julai 1511 iaitu 446 tahun dahulu, katanya, kerajaan Melaka telah runtuh dan negeri Melayu telah diperintah oleh kerajaan asing – dari semenjak itu Tanah Melayu dan orang-orang Melayu hidupnya jadi sengsara dijajah oleh Orang asing dan bangsa sendiri.”..... dan 10 Julai 1957 ialah ulangan sejarah yang sangat buruk ke atas umat Melayu! Mingguan Kritik menghendaki supaya umat Melayu berkabung dengan mengadakan kenduri tiap-tiap malam Jumaat kerana pada seharibulan September 1957 yang akan datang cukup 44 hari perkabungan atas kematian negeri-negeri Melayu dan hak-hak Melayu.

Apa yang dikatakan oleh Mingguan Kritik itu biarlah jangan diulas – biarlah sejarah nanti menunjukkan siapa yang benar dan siapa yang salah kerana bagi sebahagian orang yang sedang ada kekuasaan di tangannya selalunya “lupa daratan” – lalu di belakang kelak akan menggunakan kuasa-kuasa yang ada padanya untuk menekan musuh-musuhnya sehingga mati.

“Orang-orang kecil patut berhati-hati” – kata seorang teman lagi sambil memberikan pengertian semut dengan Nabi Sulaiman.

* * *

Apakah kisah Nabi Sulaiman dengan semut itu? Riwayatnya lebih kurang begini (seperti yang diceterakan di dalam al-Quran). Pada suatu hari Nabi Sulaiman berjalan dengan tenteranya di suatu tempat yang bernama *Wādī al-Naml*. Di situ banyak semut dengan Raja-rajanya. Melihat kedatangan Nabi Sulaiman dengan tenteranya maka raja semut berseru kepada rakyatnya: Hai rakyatku sekalian masuklah kamu ke sarang kamu supaya jangan terpijak oleh Sulaiman dengan tenteranya kerana maklumlah kamu orang kecil harus akan terpijak oleh mereka yang besar-besar itu. Rupanya semut tahu dirinya kod orang kecil berhadapan dengan orang besar. Tamsil ini mesti digunakan oleh orang-orang kecil tatkala ia belum mempunyai kuasa – dan inilah juga pengajaran yang diberi oleh junjungan kita Muhammad (SAW) dalam perjuangannya – ertinya sebelum mempunyai kekuatan tidak berguna mengadakan perlawanan keras lawan keras – bung!

* * *

A. Hashim bin Awang, J.P. ahli Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan dan Ketua UMNO Negeri Pulau Pinang telah menyatakan kebimbangannya tentang kedudukan bahasa Melayu pada masa yang akan datang kerana pihak kerajaan nampaknya tidak melaksanakan dengan sebenar-benarnya kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Kenyataan ini diberinya setelah ia melawat Kolej Perguruan Persekutuan di Bukit Chombee di dalam mana ia hanya mendapati seorang guru Melayu sahaja di sana untuk mengajar beratus-ratus penuntut yang bakal menjadi guru di sekolah-sekolah umum di Persekutuan kelak.

Keadaan ini tidak dapat dinafikan kebenarannya. Di sini telah pernah ditulis sangkaan-sangkaan apakah dengan adanya Dewan

Bahasa sahaja untuk menjalankan usaha-usaha perkembangan bahasa Melayu – bahasa Melayu akan lekas menjadi bahasa rasmi?

Sebaik-baiknya A. Hashim Awang patut mendatangkan suatu pertanyaan di dalam Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan dalam hal ini: apakah sudah tiba masanya supaya usaha-usaha bangsa Melayu, dalam perkembangan bahasa, dapat diminta kerjasama mereka yang dapat dalam hal ini? Sebabnya mustahak didatangkan pertanyaan ini ialah sehingga hari ini buku-buku di sekolah-sekolah yang digunakan oleh kerajaan sekarang tidak sebuah yang dicetak oleh percetakan Melayu atau dikeluarkan oleh penerbitan Melayu!

* * *

A. Khir Johari, Menteri Muda Perusahaan dan Pengangkutan tatkala membidas teguran Kongres Kebangsaan Melayu yang kedua tentang perlembagaan Melayu menyatakan bahawa perlembagaan itu telah dibuat melalui penasihat undang-undang yang mempunyai kelayakan yang cukup dalam soal-soal perlembagaan negeri.

Erti kata-kata ini boleh jadi kerana sudah dibuat oleh ahlinya – tidak musatahak dibahas lagi – terima terus. Suatu pertanyaan patut pula didatangkan: apakah jadinya perjanjian *Federation* dahulu yang telah digubal oleh ahlinya sehingga tatkala hendak dijalankan timbul pengertian dan takrif yang berlain-lain? Berilah kebebasan orang mengulasnya – jangan ditutup terus mulut orang kerana kekuasaan sekarang ada di tangan awak – awak boleh buat apa yang awak suka! Sementara begitu – janganlah pendapat dan fikiran orang lain dikongkong.

* * *

A. Afrini Adham, Yang Dipertua Penulis-penulis Muda

Kedah dikatakan telah mensifatkan nasib penulis-penulis muda Melayu sekarang sebagai lembu kurus yang diperah tenaganya dengan tidak pula mendapat upah cukup. Ia menjelaskan pula bahawa penulis-penulis muda Melayu sekarang adalah menjadi perkakas untuk faedah penerbit sedang penerbit pula tidak bertimbang rasa terhadap pengorbanan yang diberikan oleh penulis-penulis muda.

Sungguh berat tuduhan A. Afrini ini. Tuduhan ini, dipandang oleh setengah-setengah orang, tidak mengadakan penyiasatan terlebih dahulu kepada keadaan-keadaan di sekeliling masyarakat dan penerbitan-penerbitan Melayu. Cuba perhatikan perkara-perkara yang di bawah ini:

Seseorang penulis itu, kalau mahu tulisannya dikenal dan digemari hendaklah lebih dahulu menunjukkan kebolehannya dan mencari jalan supaya dapat penghargaan dari masyarakat. Ini tidak akan didapat oleh seseorang penulis dengan hanya menulis sebuah dua buku atau cerita-cerita pendek, atau beberapa makalah di dalam majalah-majalah. Kesannya kalau tidak dijalankan usahanya kepada jurusan itu maka ia tidak akan mendapat penghargaan sedang penghargaan itu tidak akan didapat kalau tulisannya hanya disimpannya sahaja – tidak dibaca oleh orang lain (tidak disiarkan). Kalau untuk ini, belum mendapat penghargaan lagi dari masyarakat, dan hendak dihargakan pula dengan ukuran sendiri tentunya tidak akan tersiar tulisan itu kerana barang yang hendak disiarkan ialah barang-barang yang dipandang masyarakat berfaedah atau sekurang-kurangnya bernas.

Ringkasnya begini: Kalau mahu mendapat penghargaan maka tunjukkan bukti kebolehan kita tetapi kalau kebolehan belum didapati lalu mahu jual mahal – tidak ada orang mahu beli, Bung!

* * *

Telanjur ada tuduhan bahawa penulis-penulis muda menjadi perkakas penerbit-penerbit dan penerbit-penerbit tidak bertimbang rasa kepada mereka itu seperti yang dinyatakan oleh Encik Afrini Adham itu maka molek benar kiranya encik ini menyiasat keadaan penerbitan-penerbitan Melayu kerana kalau hanya tahu menuduh dengan tidak ada penyiasatan akibatnya memecahkan perhubungan penerbit-penerbit dengan penulis-penulis kerana kalau penulis mau mahal dan penerbit tidak dapat memikulnya – akibatnya keduanya terbantut tetapi yang lebih terbantut penulis-penulis muda itu sendiri kerana harus penerbit tidak mau menerbitkan karangan-karangan penulis muda yang meminta dihargakan tinggi sebelum mendapat sambutan dari masyarakat.

Cuba perhatikan ini: sebuah buku seperti majalah Aneka warna besarnya 100 muka dicetak dengan kertas yang baik dijual dengan harga \$1.50 senaskhah, dicetak 3,000 naskhah (kebiasaan mencetak buku-buku sekarang). Upah yang lazim lebih kurang \$1,000 yang ertinya senaskhah sudah memakan belanja 50 sen lebih. Belanja blok dan lain-lain sudah memakan 10 sen jadi senaskhah 60 sen. Dipotong komisen dan belanja-belanja lain baki harga buku itu hanya tinggal 75 sen senaskhah – jadi jumlah yang harus didapat \$2,250 – ertinya untung \$650 – baharu habis dua atau tidak tahun – ini bergantung kepada pengarangnya. Apakah ini bermakna penerbit yang mengeluarkan modal dan tenaga itu memerah penulis-penulis itu? Berlainlah kalau sesebuah buku itu dicetak sampai 20,000 atau 30,000 naskhah tiap-tiap keluarannya. Kalau peringkat ini sampai kepada yang demikian baharulah boleh menuduh yang demikian. Sebab inilah juga banyak penerbit yang telah tidak bermaya hendak hidup – Bung!